



**Pameran Perdagangan Plastik Dan Getah Antarabangsa Yang Ke-5 Bagi Malaysia**

**9 – 12 November 2011  
Pusat Konvensyen Kuala Lumpur**

**www.mplas.com**

---

## **SIARAN AKHBAR**

Untuk siaran segera

### **M-PLAS 2011 membuka pintunya hari ini**

**- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menggesa industri plastik dan getah Malaysia supaya merebut peluang dan menghasilkan penyelesaian yang inovatif**

**9 November 2011 – “Pameran ini diadakan tepat pada masanya dan bagus kedudukannya kerana pameran ini memberikan pemahaman industri tentang hasil inovasi yang terbaru, teknologi yang terkini dan trend global masa sekarang bagi jentera, peralatan, produk dan perkhidmatan plastik dan getah,” kata YB Dato’ Jacob Dungau Sagan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya sempena perasmian M-PLAS 2011, Pameran Perdagangan Plastik Dan Getah Antarabangsa Yang Ke-5 Bagi Malaysia.**

Menurut YB Dato’ Dungau, pameran ini menegaskan betapa pentingnya Malaysia sebagai destinasi perkilangan plastik dan getah yang penting dan sebagai peserta global bagi sektor plastik dan getah di rantau ini, khususnya berlatarbelakangkan industri eksport produk getah yang menyumbang 2 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2010. “Dengan beralihnya kuasa ekonomi secara beransur-ansur dari barat ke timur dan dengan kebangkitan negara China dan India secara berterusan, industri plastik dan getah terpaksa bersiap-sedia mencari penyelesaian yang inovatif dan merebut peluang sebaik sahaja peluang itu muncul dalam persekitaran ekonomi global yang baru ini,” kata **YB Dato’ Jacob Dungau Sagan**.

Dengan bertemakan *‘Shaping your business’* (Mencorakkan perniagaan anda), M-PLAS dihasratkan sebagai pameran unggul yang menawarkan pelbagai penyelesaian yang inovatif bagi industri plastik dan getah oleh 200 pempamer yang merangkumi peneraju pasaran global dan beberapa pendatang baru yang menarik, yang akan memperagakan aneka bahan pameran seperti robot dan peralatan pengautomasian sehinggalah getah terpulih guna tanpa bau.

Edisi kelima M-PLAS yang diadakan setiap dua tahun ini dianjurkan oleh Messe Düsseldorf Asia, dan pada tahun ini berjaya menarik pempamer antarabangsa dari kira-kira 20 negara yang akan mempersembahkan teknologi dan penyelesaian pemprosesan yang terkini, dan perkembangan yang terbaru pada bahan mentah bagi industri plastik dan getah di Malaysia. “Kepakaran dan pengetahuan teknikal akan dapat membantu pemproses mengatasi cabaran perniagaan yang baru dan menerokai peluang perniagaan yang baru kerana mereka sentiasa mendapat maklumat yang terkini tentang perkembangan yang terkini mengenai pengeluaran dan pemprosesan yang berkesan dari segi kos,” kata Encik Gernot Ringling, Pengarah Urusan Messe Düsseldorf Asia.

“Sebagai pameran perdagangan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, lebih daripada 5,000 pengunjung dijangka akan melawat pameran ini dari sektor automotif, bangunan dan pembinaan, kejuruteraan kimia dan petrokimia, kejuruteraan elektrik dan elektronik, komunikasi maklumat, perubatan dan farmaseutikal, acuan dan terap, pembungkusan, serta pengitaran semula dan semikonduktor,” kata beliau lagi.

Industri produk getah Malaysia menyumbang RM12.8 bilion kepada pendapatan eksport negara kita pada tahun 2010, manakala industri plastik dan produk plastik pula telah menjadi salah satu sektor pertumbuhan yang paling dinamik dalam industri perkilangan Malaysia. Encik Ringling memberi komen

bahawa pasaran Malaysia, khususnya pembangunan kemampuan perkilangan produk plastik dan getah, membuka peluang perniagaan yang besar dan "para pengunjung akan banyak mendapat manfaat daripada produk-produk terbaru, jentera dan peralatan canggih, serta penyelesaian yang dipamerkan."

**Pameran ini diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai hari ini sehingga 12 November, dan kira-kira 60 peratus ruang pameran akan digunakan oleh syarikat-syarikat yang bertempat di luar Malaysia, termasuklah beberapa balai pameran kebangsaan dan kumpulan-kumpulan negara dari Austria, China, Itali dan Singapura. Selain itu, pembekal dari Jerman, Switzerland, Amerika Syarikat dan juga pengilang dari beberapa negara Asia, iaitu China, Jepun dan Taiwan, akan turut serta dengan giatnya dalam edisi kelima pameran ini. Antaranya ialah peneraju pasaran global dan beberapa pendaatang baru yang menarik, yang akan memperagakan aneka bahan pameran seperti robot dan peralatan pengautomasian sehinggalah getah terpulih guna tanpa bau.**

Juga turut serta ialah syarikat-syarikat tempatan dan yang bertempat di Malaysia, termasuklah pemproses plastik, pengilang dan pembekal bahan. Penyertaan yang giat oleh para peserta antarabangsa dan juga tempatan ialah bukti kepentingan dan peranan M-PLAS sebagai forum yang dipercayai dan terbukti berkesan bagi perangkaian, pemerolehan, perniagaan dan pertukaran pengetahuan dalam dunia plastik dan getah, terutamanya berlatarbelakangkan industri plastik dan getah Malaysia yang berkembang.

Semasa pameran empat hari ini, di samping hasil inovasi dan penyelesaian teknologi, para pengunjung akan berpeluang menyaksikan beberapa seminar dan persidangan industri yang dianjurkan oleh pelbagai pempamer, antaranya GF Technology, Persatuan Pengilang Jentera Pemprosesan Dan Acuan Plastik Dan Getah Itali (*Italian Plastics and Rubber Processing Machinery and Moulds Manufacturers' Association* atau ASSOCOMAPLAST), Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (*Malaysian Plastics Manufacturers Association* atau MPMA), MPDV Asia, SCANTECH dan TEM Engineering, dengan topik-topiknya merangkumi penyelesaian penjimatan tenaga bagi industri plastik sehinggalah salutan plasma.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai M-PLAS 2011, rujuklah kepada kit akhbar yang dilampirkan, atau hubungilah jabatan akhbar untuk mengatur temu bual.

---

### **Perihal M-PLAS**

M-PLAS 2011 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan dianjurkan oleh Messe Düsseldorf Asia. M-PLAS diiktiraf oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (*Malaysia External Trade Development Corporation* atau MATRADE), dan disokong oleh Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (*Malaysian Plastics Manufacturers Association* atau MPMA), Persatuan Pengilang Getah Malaysia (*Malaysian Rubber Products Manufacturers' Association* atau MRPMA), Majlis Penggalakan Eksport Getah Malaysia (*Malaysian Rubber Export Promotion Council* atau MRPEC), dan Messe Düsseldorf GmbH, iaitu penganjur K, pameran perdagangan antarabangsa No. 1 di dunia bagi plastik dan getah. **M-PLAS 2011 akan dibuka dari hari Rabu, 9 November (10 pagi hingga 6 petang) hingga hari Sabtu, 12 November (10 pagi hingga 5 petang).**

M-PLAS 2009 sebelum ini, yang diadakan di Malaysia dari 4 hingga 7 November 2009, dikunjungi 4,419 pelawat perdagangan dari 47 buah negara dan 87% dari Malaysia. Pengunjung perdagangan ke M-PLAS 2009 cukup puas hati dengan perkembangan, hasil inovasi dan penyelesaian terkini dalam sektor jentera, peralatan, produk dan perkhidmatan plastik dan getah yang disampaikan oleh 174 syarikat pempamer dari 19 negara, termasuklah balai pameran kebangsaan dan kumpulan-kumpulan dari Austria, China, India, Itali, Malaysia dan Singapura.

### **Perihal Messe Düsseldorf Asia**

Messe Düsseldorf Asia ialah anak syarikat Messe Düsseldorf di Jerman, iaitu salah sebuah penganjur pameran perdagangan yang terunggul di dunia, setelah menganjurkan lebih daripada 20 pameran global No. 1 dalam pelbagai industri, termasuklah industri plastik, percetakan dan pembungkusan, khususnya K, *drupa* dan *interpack* yang diadakan di Düsseldorf, Jerman. Messe Düsseldorf Asia kini mempunyai portfolio

yang mengandungi berbilang pameran perdagangan di Asia Tenggara, yang dimulakan sejak tahun 1995 lagi. Pameran perdagangan yang dianjurkan bagi sektor plastik dan getah di in Malaysia (M-PLAS), Thailand (TIPREX) dan Vietnam (Plastics & Rubber Vietnam); bagi sektor percetakan dan pembungkusan di Thailand (PACK PRINT INTERNATIONAL); dan bagi industri perubatan dan penjagaan kesihatan di Thailand dan Singapura (MEDICAL FAIR THAILAND, MEDICAL FAIR ASIA, dan Pekerjaan Dan Keselamatan Pekerjaan Asia) semuanya berjaya mencapai matlamat dan meliputi pasaran Asia Tenggara dan juga pasaran serantau yang lain. Pada tahun 2012, Messe Düsseldorf Asia akan menumpukan usahanya pada portfolio Indonesia, dengan penyertaan INDOPACK, INDOPRINT, dan INDOPLAS.

---

**Orang hubungan akhbar:**

Zarina Ann Muhammad 1 Teresa Chua

Tel: (65) 6332 9624 | (65) 6332 9621 / 601 0425 7329

E-mel: [zarina@mda.com.sg](mailto:zarina@mda.com.sg) | [teresa@mda.com.sg](mailto:teresa@mda.com.sg)